

25/11/1997

Kuasa pasaran bukan ideologi (HL)

Hafifi Hafidz; Khaidir Abdul Majid in Vancouver

VANCOUVER, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengkritik kuasa pasaran dan menyamakan dengan fahaman komunis dan sosialis, yang runtuh selepas terbukti membawa kesengsaraan kepada kehidupan manusia sejagat.

Kuasa pasaran, kata Perdana Menteri, seperti juga dua ideologi kuno itu, bukan sesuatu yang `terlalu suci' sehingga tidak langsung boleh dipertikaikan walaupun terbukti ia membawa kesengsaraan kepada dunia.

Sebagaimana fahaman sosialis dan komunis yang satu ketika pernah menyeret manusia dalam kancah keperitan dan penderitaan hidup, keadaan yang sama juga berlaku dalam pasaran terbuka hari ini.

Sehubungan itu, katanya, Malaysia percaya kuasa mutlak dalam sesebuah pasaran, jika tidak dikawal menerusi kerjasama semua pihak, satu hari nanti ia akan meruntuhkan ekonomi dan umat dunia.

"Ketika sosialis dan komunis kukuh, tidak seorang pun berani untuk mengubah ideologi yang kuat diperjuangkan itu, manakala mereka yang mengkritik menerima padahnya.

"Akhirnya selepas lebih 70 tahun, ideologi yang dilindungi kuasa kuat juga runtuh apabila semakin ramai sedar apa yang mereka percayai hampir satu abad itu adalah salah kerana terbukti syurga kebahagiaan yang dijanjikan tidak dapat dikotakan.

"Malangnya, kesedaran itu hanya timbul selepas berjuta-juta manusia hidup dengan penuh kesengsaraan manakala banyak pula jiwa terkorban," katanya berucap pada sidang kemuncak Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), di sini.

Dr Mahathir adalah antara enam daripada 18 pemimpin Apec yang dijemput berucap pada sidang itu. Pemimpin lain termasuk Presiden China, Jiang Zemin dan Perdana Menteri Kanada, Jean Chretien.

Ucapan Dr Mahathir hampir setengah jam itu menyentuh pelbagai kejayaan ekonomi Malaysia menerusi Persyarikatan Malaysia dan penswastaan tetapi terjejas berikutan kuasa pasaran adalah mutlak, yang terdedah kepada penyelewengan dan kepentingan pihak tertentu.

"Bagaimanakah secara tiba-tiba boleh berlaku kemelesetan ekonomi? Apakah ia boleh berlaku dengan sendiri tanpa pembabitan peserta pasaran?" tanya Perdana Menteri dalam ucapan bertajuk Kerajaan dan perniagaan: Berkerjasama untuk pembangunan ekonomi.

Menyifatkan kuasa pasaran terlalu mutlak sekarang akan membawa padah yang sama seperti kegagalan ideologi, Dr Mahathir berkata, kesannya kini sudah berlaku.

"Seperti mana sesebuah kerajaan boleh menyeleweng apabila memiliki kuasa yang sangat mutlak, kuasa pasaran juga sedemikian. Berjuta-juta orang menjadi miskin dan susah hidup seperti kita lihat sekarang adalah kesan pasaran yang terlalu mempunyai kuasa mutlak," katanya.

Menurutnya, tidak siapa dapat menafikan keadaan sekarang lebih baik ketika pertumbuhan ekonomi pesat berkembang sebelum ini. Walaupun ketika itu, ada banyak penyelewengan, rasuah, kemiskinan dan penipuan, penderitaan sekarang adalah lebih berat untuk dipikul berbanding sebelumnya.

Dengan mengulangi pelbagai tindakan kotor manipulator untuk mengaut untung dalam kegiatan mata wang dan pasaran saham seperti pernah beliau nyatakan pada mesyuarat Kumpulan-15 dan Bank Dunia-Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) baru-baru ini, Dr Mahathir berkata, disebabkan campur tangan dalam kuasa pasaran tidak sepatutnya berlaku, ia berterusan

dianggap sebagai sesuatu yang "paling suci".

"Bagaimanakah mereka boleh sanggup lakukan semua ini sehingga memusnahkan ekonomi dan masa depan berjuta-juta orang? Apabila persoalan ini ditimbulkan, jawapan mudah ialah pasaran terbuka. Kononnya inilah cara pasaran terbuka ditentukan dan tidak siapa boleh campur tangan untuk menentukan kuasa pasaran," katanya.

Dr Mahathir berkata, disebabkan tiada pihak dan kerajaan boleh campur tangan dalam menentukan kuasa pasaran, jawapan mudah kepada perkara itu ialah pasaran akan mengalami pembedahan sendiri atau "apa yang perlu anda lakukan ialah membetulkan kedudukan asas-asas ekonomi dan keadaan akan kembali seperti sedia kala."

Perdana Menteri turut menyatakan kekhuatiran Malaysia bahawa masyarakat dunia akan terus menghadapi kepayahan, negara akan hilang kedaulatan manakala yang gagah akan terus menindas negara lemah.

Menolak pandangan bahawa campur tangan kerajaan dalam menentukan kuasa pasaran sebagai sesuatu yang ketinggalan zaman atau tidak sesuai, Dr Mahathir berkata, jawapan kepada permasalahan itu ialah kerjasama semua pihak.

"Pilihan yang ada kepada masyarakat dunia bukan lagi kuasa mutlak sesebuah kerajaan atau untuk pasaran. Pilihan terbaik ialah kerjasama dan kesepakatan bagi mewujudkan kecekapan, persaingan dan keuntungan," katanya.

(END)